

# **PENEROKAAN BIDANG KEUSAHAWANAN SOSIAL DALAM KONTEKS PENGIKTIRAFAN PELUANG DALAM KALANGAN USAHAWAN SOSIAL ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

*(EXPLORATION OF SOCIAL ENTREPRENEURSHIP IN THE CONTEXT OF OPPORTUNITIES  
RECOGNITION AMONG SOCIAL ENTREPRENEUR OF PERSONS WITH DISABILITIES (PWDs))*

Norhasyikin binti Rozali<sup>1\*</sup>  
Shuhairimi Abdullah<sup>4</sup>  
Zaihana binti Manshor<sup>3</sup>  
Balqis binti Yaacob@Salleh<sup>2</sup>

## **Abstrak**

*Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan isu peluang pekerjaan merupakan antara perihal yang mendapat perhatian khusus dibawah seliaan kerajaan. Namun, masih belum dapat ditangani sepenuhnya malah menjadi isu sosial dan masalah dalam kalangan OKU. Sehubungan dengan itu, penerokaan bidang keusahawaan sosial dalam konteks pengiktirafan peluang (opportunity recognition) terhadap usahawan sosial OKU dilihat mampu memberi impak besar dalam menangani isu pekerjaan golongan OKU.*

**Kata Kunci:** *keusahawanan sosial, pengiktirafan peluang dan usahawan sosial OKU*

## **Abstract**

*Persons with Disabilities (PWDs) and employment opportunities are main issue between the muscles that receive special attention under the supervision of the government. However, it remains to be fully addressed and the social issues and problems among people with disabilities. According to, the exploration of the field of social entrepreneurship in by the context of opportunities recognition to social entrepreneurs with disabilities will be able to see a big impact in addressing the issue of employment of the disabled.*

**Keywords:** *social entrepreneurship, opportunities recognition and social entrepreneurs with disabilities*

2017 GBSE Journal

---

<sup>1 3 4</sup> Calon PhD di Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Komunikasi Universiti Malaysia Perlis.  
Tel.: 019 4337078, Emel: [huwaida\\_67@yahoo.com](mailto:huwaida_67@yahoo.com) (NORHASYIKIN BINTI ROZALI)

<sup>2</sup> Penyelia calon PhD, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Komunikasi Universiti Malaysia Perlis  
Emel: [shuhairimi@unimap.edu.my](mailto:shuhairimi@unimap.edu.my).

## Pengenalan

Keusahawanan sosial merupakan bidang baru yang semakin mendapat tempat dalam negara. Ini adalah kerana bidang ini berkeupayaan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan juga secara tidak langsung mengfokuskan matlamat sosial, dalam memberi nilai tambah kepada masalah sosial (Ney, Beckmann, Graebnitz, & Mirkovic, 2014). Masalah sosial, dilihat sebagai suatu masalah yang tidak menguntungkan bahkan membebankan negara dan impak yang sangat negatif terhadap keseluruhan struktur sesebuah negara. Tanpa disedari kewujudan bidang keusahawanan sosial bakal memberi landskap baru terhadap cara kita melihat masalah sosial untuk ditangani dengan kreatif (Habaradas, Raymund & H. Aure, 2014; Mair & Martí, 2006; Yildirim & Arikan, 2014) dan inovatif (Hadad & Drumea Găucă, 2014; Kaufman, Avgar, & Mirsky, 20007; Mair, Robinson, & Hockerts, 2006; Muhamad & Adham, 2013; Ney et al., 2014).

## Keusahawanan Sosial dan Usahawan OKU

Masalah sosial merupakan isu-isu yang berkait rapat dengan masyarakat dan alam sekitar. Namun begitu, isu-isu kemasyarakatan lebih cenderung menjadi elemen yang dikaji dan diaplikasikan dalam bidang keusahawanan sosial. Antara yang berjaya mengaplikasikan konsep keusahawanan sosial terhadap isu kemasyarakatan dalam konteks membasmi kemiskinan adalah *The Institute for OneWorld Health (USA)* menyediakan bekalan ubat-ubatan kepada golongan miskin dan *Sekem (Egypt)* mengaplikasikan perniagaan dalam memberi pendidikan kanak-kanak dan pendidikan orang dewasa dan pusat kesihatan hasil keuntungan perniagaan. Manakala *Grameen Bank (Bangladesh)* menyediakan pinjaman minima dan kemudahan pembayaran kepada golongan miskin terutama kaum wanita untuk dijadikan modal perniagaan melalui konsep pinjaman mikro kredit (Seelos & Mair, 2005).

Oleh kerana, masalah sosial adalah sangat kompleks dan ada ketikanya tidak mampu untuk ditangani secara keseluruhan, menyebabkan ada diantara masalah ini tidak diselesaikan. Maka adalah perlu di abad ini kita sedaya upaya berusaha untuk mencari jalan penyelesaian melalui inovasi (Kaufman et al., 20007) dan kreativiti sosial. Sehubungan itu, perihal masalah sosial ini membawa keseluruhan komuniti untuk bersatu mencari jalan penyelesaian, mula dari individu, komuniti masyarakat, organisasi, kerajaan dan perhubungan sosial (Hadad & Drumea Găucă, 2014).

Masalah sosial mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan keusahawanan sosial (Yunus, Moingeon, & Lehmann-ortega, 2010; S. A. Zahra, Gedajlovic, Neubaum, & Shulman, 2009; S. A. Zahra, Rawhouser, Bhawe, Neubaum, & Hayton, 2008). Perbandingan ini akan lebih ketara apabila melihat diantara keusahawanan dan keusahawanan sosial, keusahawanan melihat peluang dari sudut keuntungan (Austin, Stevenson, & Wei-Skillern, 2006). Sebaliknya, keusahawanan sosial sentiasa meletakkan isu sosial sebagai matlamat utama (Austin et al., 2006; Corner & Ho, 2010; Seelos & Mair, 2005).

Apabila melihat masalah sosial dalam struktur masyarakat tidak dapat lari kita terhadap golongan yang diketogorikan sebagai minoriti atau golongan maginal. Jabatan Kebajikan

Masyarakat, mengkategorikan golongan marginal seperti berikut kanak-kanak, keluarga, warga emas, orang papa, orang kelainan upaya (OKU), dan mangsa bencana. Melalui perkembangan bidang keusahawanan sosial, golongan ini dapat dibantu dan mempunyai potensi untuk diketengahkan (S. A. Zahra et al., 2008).

Antara yang sering mendapat perhatian adalah golongan OKU, yang tidak lekang dari pelbagai isu yang menyulitkan golongan ini dari mendapat pekerjaan (M. C. H. Ang, 2014; Haslina, 2006; Khoo, Ta, & Lee, 2012). Maka, dalam membantu golongan ini kerajaan menyediakan pelbagai alternatif melalui latihan, penempatan kerja, pendidikan dan sebagai langkah untuk membuka ruang golongan ini mendapat pekerjaan. Namun masih tidak berupaya untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi golongan ini, inisiatif bekerja sendiri dan berniaga, dan galakan menjadi usahawan memberi ruang untuk golongan ini meningkatkan potensi diri.

Kejayaan golongan ini dalam bidang keusahawanan menjadikan mereka setaraf usahawan sempurna yang lain. Tidak dapat dinafikan bidang keusahawanan mampu diceburi golongan ini, adalah kerana ia tidak membandingkan bentuk fizikal dan ketebatasan fizikal untuk berjaya sebagai seorang usahawan. Kesungguhan untuk berjaya mendorong usahawan OKU untuk berjaya (Che Asniza et al., 2014; Norasmah, 2014; Roni, 2009). Persoalannya, adakah isu golongan ini akan dianggap selesai, hal ini dinafikan oleh (M. C. H. Ang, 2014; M. Ang, 2012; Khoo et al., 2012) sungguhpun akta dan undang-undang digubal namun ia tidak mampu menyelesaikan isu golongan ini terutama dari sudut pekerjaan.

Jadi, kita melihat dari pelbagai aspek yang mengekang golongan ini untuk mendapat pekerjaan adalah melalui usahawan OKU itu sendiri untuk menyediakan ruang peluang pekerjaan kepada golongan senasib. Senario ini, adalah bertitik tolak dari apa yang dilalui oleh usahawan OKU yang asalnya lari dari perkaitan masalah yang mengekang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Maka, wajar jika pemahaman dan pengetahuan keusahawanan sosial diterapkan kepada usahawan OKU sebagai usahawan sosial, secara langsung kepada peluang-peluang yang ada.

### **Pengiktirafan Peluang dalam Keusahawanan Sosial**

Peluang merupakan ciri atau faktor penting kepada usahawan dalam bidang keusahawanan. Peluang adalah intipati penting kepada usahawan dalam melihat dan mengaploitasikan peluang-peluang. Dimana usahawan mahupun keusahawanan itu sendiri senantiasa mencari ruang-ruang peluang untuk mewujudkan perubahan yang memberi keuntungan sebagai matlamat utama dan menjadi fokus (Dees, 2007; Urwyler, 2006). Oleh itu, pada peringkat awal sesebuah perniagaan adalah melalui pendekatan peniaga atau usahawan kenalpasti peluang-peluang, dan kunci keputusan samaada menggunakan atau tidak peluang yang wujud (Corrie Santos, Baron, & Currell, 2015). Dalam erti kata lain bermatlamat penyelesaian masalah sosial melalui pendekatan keusahawanan.

Berdasarkan makna keusahawanan sosial oleh Jeffrey Robinson (Robinson, 2012) merupakan suatu proses mengenalpasti masalah sosial dan penyelesaian masalah untuk

diselesaikan, melalui penilaian terhadap impak sosial (Bloom & Chatterji, 2009; Jiao, 2011), modal perniagaan dan kestabilan gabungan untuk mencipta misi orientasi sosial yang tidak menguntungkan kepada orientasi perniagaan yang menguntungkan dari peringkat bawah (Mair et al., 2006).

Jelas bahawa keusahawanan sosial bakal memberi kesan positif terhadap permasalahan sosial yang belaku, melalui penilaian peluang yang ada. Oleh itu, keperluan terhadap penilaian kelangsungan penyelesaian masalah sosial yang bakal ditangani perlu kepada pelbagai aspek yang melibatkan peluang yang wujud disekeliling permasalahan agar dapat memberi nilai tambah (Certo & Miller, 2008; Mair & Martí, 2006).

Keusahawanan sosial mempunyai keunikan tersendiri apabila individu atau kumpulan yang terlibat dalam bidang ini melihat dan menilai masalah sebagai peluang untuk diatasi sebagai keberuntungan dan dalam masa yang sama masalah dapat diselesaikan (Austin et al., 2006; Ney et al., 2014). Maka, sebuah perniagaan wujud apabila mempunyai peluang dan usahawan berjaya apabila bijak menggunakan dan melihat peluang (Urwyler, 2006). Kajian terhadap kepentingan pengiktirafan peluang tidak hanya tertumpu kepada keusahawanan (Corrie Santos et al., 2015; Urwyler, 2006).

Keusahawanan melihat peluang sebagai potensi dan bermatlamatkan keuntungan tanpa mengambil kira soal permasalahan sosial mahupun memberi nilai tambah kepada institusi sosial yang bermasalah (Austin et al., 2006). Sebaliknya, berkembang, melalui keusahawanan sosial, pengiktirafan peluang penting untuk memastikan matlamat asal keusahawanan sosial tercapai dan memberi impak positif terhadap struktur sosial (Austin et al., 2006). Dimana matlamat mahupun objektif sosial di maksimakan sebagai kaedah penyelesaian masalah sosial (Yunus et al., 2010). Sungguhpun begitu, tidak bermakna keusahawanan tidak lagi diperlukan.

Terdapat ramai pengkaji, yang mengkaji keusahawanan sosial dan pengiktirafan peluang (Corrie Santos et al., 2015; Lehner & Kansikas, 2012; Robinson, 2012; S. A. Zahra et al., 2008)(Corner & Ho, 2010), peluang melalui perhubungan sosial (*social network*)(Singh, Hills, Hybels, & Lumpkin, 1999; Sun & Cai, 2013), peranan kerajaan (Sun & Cai, 2013) dalam mewujudkan peluang (Gidron, 2014; Parker Harris, Renko, & Caldwell, 2014), pengalaman lepas (Corner & Ho, 2010; Yitshaki & Kropp, 2016) dan motivasi (Yitshaki & Kropp, 2016) lain-lain lagi.

Diawal perbincangan kita melihat terdapat pelbagai faktor yang mewujudkan dan mempengaruhi peluang yang dianggap penting dalam keusahawanan sosial. Kajian lepas dalam keusahawanan sosial mulai menilai peluang sebagai faktor penting untuk dikaji dan diberi perhatian. Berdasarkan kajian (Sun & Cai, 2013), pengiktirafan peluang dalam keusahawanan sosial dipengaruhi oleh perhubungan sosial, di ketegorkan kepada beberapa faktor seperti bantuan kewangan, kerajaan, keperluan sosial, latihan dan nasihat, serta *personal network*. Kajian tersebut membuktikan bahawa perhubungan sosial mempengaruhi pengiktirafan peluang yang menyediakan potensi untuk usahawan sosial mengenalpasti peluang melalui perhubungan sosial agar usahawan dapat membina perhubungan sosial yang efektif.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh (S. A. Zahra et al., 2008) peluang wujud melalui lima kriteria iaitu kelaziman “*prevalances*”, perkaitan “*relevance*”, keperluan mendesak “*urgency*”, kemudahan “*accessibility*”, dan kesuluruhan “*radicalness*”, maka lima kriteria ini mendorong usahawan sosial untuk melihat peluang yang akan dioptimalkan bermatlamat sosial. Sebagai contoh, kriteria *prevalances* atau kelaziman, kemiskinan merupakan suatu perkara lazim terutama dinegara miskin mahupun negara membangun maka usahawan akan melihat ini sebagai suatu peluang yang perlu diatasi, seperti Greeman Bank Bangladesh (Yunus et al., 2010).

Walauapapun, faktor atau kriteria yang dibincangkan dalam mewujudkan peluang, tidak dapat dipastikan secara khusus samaada kreteria yang dibincangkan sesuai atau tidak terhadap landskap berbeza dalam sesebuah negara. Malah ianya, berbeza apabila peluang dilihat melalui keperluan situasi mahupun keadaan sosial (Corner & Ho, 2010; Kaufman et al., 20007).

### **Pengiktirafan Peluang dalam Keusahawanan Sosial terhadap Usahawan Sosial OKU**

Seorang usahawan OKU, mungkin tidak secara langsung memahami bahawa mereka mempunyai potensi dalam menjayakan bidang keusahawanan sosial sebagai platform yang bakal memberi impak besar kepada golongan senasib. Usahawan OKU perlu menilai bagaimana peluang dapat diperoleh dan digunakan sebaik mungkin untuk mencapai matlamat nilai tambah kepada sosial.

Jika dilihat melalui kajian (S. A. Zahra et al., 2008) *prevalances* atau kelaziman dimana jika melihat dari kelaziman yang belaku kepada OKU kekangan terhadap ruang pekerjaan maka, ini menjadi garis ukur kepada usahawan OKU dalam menyediakan peluang pekerjaan. Mahupun, melalui pengalaman (Robinson, 2012) yang dilalui usahawan OKU akan menjadikan ia sebagai peluang yang akan mengurangkan permasalahan golongan ini ketika ingin mendapat pekerjaan.

### **Rumusan**

Penerokaan peluang adalah penting untuk memastikan usahawan OKU dapat menggunakan peluang yang ada agar matlamat keusahawanan sosial dapat dicapai. Dalam mengatasi isu atau masalah pekerjaan yang dihadapi oleh golongan OKU, usahawan sosial OKU bakal memberi impak besar dalam menangani masalah golongan ini, apabila mampu melihat masalah sebagai peluang yang bermatlamat sosial dan memberi nilai tambah kepada struktur masyarakatnya.

### **Rujukan**

Ang, M. (2012). *Work and Disability: A Malaysian Scenario*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Ang, M. C. H. (2014). Do Persons with Disabilities Act ( 2008 ) and Organizational Culture Influence Managerial Intention to Hire Persons with Disabilities?: The Malaysian Perspective. *Jurnal Pengurusan*, 41, 81–89.

- Austin, J., Stevenson, H., & Wei-Skillern, J. (2006). Social and commercial entrepreneurship: Same, different, or both? *Entrepreneurship: Theory and Practice*, 30(1), 1–22. <http://doi.org/10.1111/j.1540-6520.2006.00107.x>
- Bloom, P. N., & Chatterji, A. K. (2009). Scaling Social Entrepreneurial Impact, 51(3), 114–134.
- Certo, S. T., & Miller, T. (2008). Social entrepreneurship: Key issues and concepts. *Business Horizons*, 51(4), 267–271. <http://doi.org/10.1016/j.bushor.2008.02.009>
- Che Asniza, O., Hardy, L. R., Marlita Mat, Y., Mohd Zikrul Hakim, N., Noor Faizah, M. L., & Jamizan, J. (2014). Empowering Disabled Youth With Entrepreneurial Values. In *2nd ASEAN ENTREPRENEURSHIP CONFERENCE 2014*.
- Corner, P. D., & Ho, M. (2010). How Opportunities Develop in Social Entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 34(4), 635–659. <http://doi.org/10.1111/j.1540-6520.2010.00382.x>
- Corrie Santos, S., Baron, R., & Curren, L. (2015). Prototype models of opportunity recognition and the decision to launch a new venture: Identifying the basic dimensions. *International Journal of Entrepreneur Behavior and Research*, Vol. 21 No, pp.510–538.
- Dees, J. G. (2007). Taking Social Entrepreneurship Seriously. *Transaction Social Science and Modern*, 44(3), 145.
- Gidron, B. (2014). Market-Oriented Social Enterprises Employing People with Disabilities: A Participants' Perspective. *Journal of Social Entrepreneurship*, 5(1), 60–76. <http://doi.org/10.1080/19420676.2013.829116>
- Habaradas, Raymund & H. Aure, A. P. (2014). Creative and collaborative strategies for social enterprises in the Philippines. *Center for Business Research & Development*, 2(4).
- Hadad, S., & Drumea Găucă, O. (2014). Social impact measurement in social entrepreneurial organizations. *Management and Marketing*, 9(2), 117–134. Retrieved from <http://www.scopus.com/inward/record.url?eid=2-s2.0-84907274139&partnerID=tZOtx3y1>
- Haslina, N. M. N. & M. (2006). *Persepsi Majkan Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pekerja OKU (Fizikal) di Industri Sederhana (Kejuruteraan Mekanial) Daerah Johor Bharu*.
- Jiao, H. (2011). A conceptual model for social entrepreneurship directed toward social impact on society, 7(2), 130–149. <http://doi.org/10.1108/17508611111156600>
- Kaufman, R., Avgar, A., & Mirsky, J. (2007). Social Entrepreneurship in Crisis Situation. *The International Journal of Diversity in Organisations Communities & Nation*, 7(3), 227–232.

- Khoo, S. L., Ta, T. L., & Lee, L. W. (2012). The Role of the State towards Employability of Malaysian PWDs – Myth or Reality? *International Journal of Social, Education, Economics and Management Engineering*, 6(6), 255–260.
- Lehner, O. M., & Kansikas, J. (2012). *Opportunity Recognition in Social Entrepreneurship: A Thematic Meta Analysis*. *Journal of Entrepreneurship* (Vol. 21). <http://doi.org/10.1177/097135571102100102>
- Mair, J., & Martí, I. (2006). Social entrepreneurship research: A source of explanation, prediction, and delight. *Journal of World Business*, 41(1), 36–44. <http://doi.org/10.1016/j.jwb.2005.09.002>
- Mair, J., Robinson, J., & Hockerts, K. (2006). *Social Entrepreneurship*. PALGRAVE MACMILLAN (Vol. 32). <http://doi.org/10.1057/9780230625655>
- Muhamad, N. S. A., & Adham, K. A. (2013). Social entrepreneurship as transformative service for societal well-being. *Jurnal Pengurusan*, 39(2013), 111–118.
- Ney, S., Beckmann, M., Graebnitz, D., & Mirkovic, R. (2014). Social entrepreneurs and social change: Tracing impacts of social entrepreneurship through ideas, structures and practices. *International Journal Entrepreneurial Venturing*, 6(1), 51–68. <http://doi.org/10.1504/IJEV.2014.059405>
- Norasmah, O. (2014). *Keusahawanan Orang Kurang Upaya Di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Parker Harris, S., Renko, M., & Caldwell, K. (2014). Social entrepreneurship as an employment pathway for people with disabilities: exploring political–economic and socio-cultural factors. *Disability & Society*, 29(8), 1275–1290. <http://doi.org/10.1080/09687599.2014.924904>
- Robinson, J. (2012). Navigating Social and Institutional Barriers to Markets: How Social Entrepreneur Identifying and Evaluate Opportunities. In *Social Entrepreneurship* (pp. 95–120).
- Roni, N. N. (2009). Disabled Entrepreneurship : A viable route of opportunity for the disabled ?, *240421*, 1–16.
- Seelos, C., & Mair, J. (2005). Social entrepreneurship: Creating new business models to serve the poor. *Business Horizons*, 48(3), 241–246. <http://doi.org/10.1016/j.bushor.2004.11.006>
- Singh, R. P., Hills, G. E. H., Hybels, R. C., & Lumpkin, G. T. (1999). OPPORTUNITY RECOGNITION THROUGH SOCIAL NETWORK. *Frontiers of Entrepreneurship Research*, 1–8.
- Sun, W.-W., & Cai, N. (2013). A Qualitative Research on Social Network and Opportunity Recognition of Social Entrepreneurship with Nvivo. *Journal of Applied Sciences*, 13(21), 4624–4627. <http://doi.org/10.3923/jas.2013.4624.4627>

- Urwyler, M. (2006). *Opportunity Identification and Exploitation: A Case Study of Three Swiss-Based Software Companies*.
- Yildirim, E., & Arikan, S. (2014). Values? How Social Entrepreneurs' Portrait Values Differ from Commercial Entrepreneurs? *International Journal of Education and Research*, 2(9), 143–160.
- Yitshaki, R., & Kropp, F. (2016). Motivations and Opportunity Recognition of Social Entrepreneurs. *Journal of Small Business Management*, 54(2), 546–565. <http://doi.org/10.1111/jsbm.12157>
- Yunus, M., Moingeon, B., & Lehmann-ortega, L. (2010). Building Social Business Models : Lessons from the Grameen Experience. *Long Range Planning*, 43(2-3), 308–325. <http://doi.org/10.1016/j.lrp.2009.12.005>
- Zahra, S. a., Gedajlovic, E., Neubaum, D. O., & Shulman, J. M. (2009). A typology of social entrepreneurs: Motives, search processes and ethical challenges. *Journal of Business Venturing*, 24(5), 519–532. <http://doi.org/10.1016/j.jbusvent.2008.04.007>
- Zahra, S. A., Rawhouser, H. N., Bhawe, N., Neubaum, D. O., & Hayton, J. C. (2008). Globalization of social entrepreneurship opportunities. *Strategic Entrepreneurship Journal*, 2(2), 117–131. <http://doi.org/10.1002/sej.43>